



**MAJLIS PENGETUA SEKOLAH MENENGAH MALAYSIA  
CAWANGAN NEGERI SEMBILAN DARUL KHUSUS**

---

**PROGRAM PENINGKATAN AKADEMIK TINGKATAN 5  
SEKOLAH-SEKOLAH NEGERI SEMBILAN 2019**

---

---

**SEJARAH**

**KERTAS 1**

**Satu Jam**

---

---

**JANGAN BUKA KERTAS PEPERIKSAANINI SEHINGGA DIBERITAHU**

1. *Kertas peperiksaan ini mengandungi **40** soalan.*
2. *Jawab **semua** soalan.*
3. *Tiap-tiap soalan diikuti empat pilihan jawapan, iaitu **A, B, C** dan **D**. Bagi setiap soalan, pilih **satu** jawapan sahaja. Hitamkan jawapan anda pada kertas jawapan objektif yang disediakan.*
4. *Jika anda hendak menukar jawapan, padamkan tanda yang telah dibuat. Kemudian hitamkan jawapan yang baharu.*

---

Kertas peperiksaan ini mengandungi **16** halaman bercetak.

[Lihat halaman sebelah]

1 Senarai berikut adalah tokoh sarjana yang menulis tentang sejarah.

- Syed Naquib al-Attas
- Richard Sullivan

Apakah persamaan pandangan mereka dalam mengukur tahap ketamadunan sesebuah masyarakat?

- A Penekanan unsur rohaniah
- B Pembangunan pembandaran
- C Kedaulatan undang-undang
- D Kehidupan berorganisasi

2 Dialog berikut mungkin berlaku dalam kalangan penduduk kota Akkad, Mesopotamia pada 2291 – 2255 S.M..

Penduduk A : Mengapakah Raja Naramsin memaksa penduduk menyembahnya?  
Penduduk B : Kerana beliau adalah “Raja Empat Penjuru Alam”.


Berdasarkan dialog di atas, mengapakah gelaran tersebut diperoleh?

- A Menguasai wilayah yang luas
- B Menerima mandat daripada tuhan
- C Merupakan jelmaan Tuhan Horus
- D Mengamalkan pemerintahan teokrasi

3 Mengapakah Undang-undang Justinian dalam tamadun Rom menjadi asas kepada sistem perundangan hari ini?

- I Kedudukan raja mengatasi undang-undang
  - II Pemerintah menggubal undang-undang
  - III Hukuman berasaskan bukti yang cukup
  - IV Seseorang tidak bersalah sehingga terbukti bersalah
- A I dan II
  - B I dan IV
  - C II dan III
  - D III dan IV


- 4 Rajah 1 menunjukkan kelas sosial masyarakat China menurut Confucius.



Rajah 1

Bagaimanakah individu di China boleh menukar kelas sosialnya kepada kedudukan yang lebih baik?

- A Memajukan perdagangan
  - B Menyertai birokrasi awam
  - C Meningkatkan tahap pendidikan
  - D Memiliki harta kekayaan
- 5 Peta 1 menunjukkan pelabuhan Oc-eo yang merupakan pelabuhan utama kerajaan Funan.



Peta 1

Mengapa pelabuhan ini menjadi tumpuan pedagang?

- A Kedudukan strategik
- B Kestabilan politik
- C Kekuatan ketenteraan
- D Keseimbangan ekonomi

*[Lihat halaman sebelah]*

- 6 Gambar 1 menunjukkan tempat suci untuk upacara angkat sumpah yang diadakan di Telaga Batu, Palembang.



Gambar 1

Mengapakah upacara tersebut diadakan

- A Mengakui raja sebagai dewa-raja
- B Mempercayai kesaktian raja
- C Menjamin kesetiaan pembesar
- D Mengukuhkan pengaruh pembesar

- 7 Maklumat berikut berkaitan dengan perperangan yang berlaku dalam masyarakat Arab Jahiliah.

**Perang al-Basus**

- Berlaku antara Bani Taghib dengan Bani Bakar
- Berlanjutan selama 40 tahun

Berdasarkan maklumat tersebut, apakah kesimpulan yang dapat dibuat berkaitan dengan masyarakat Arab Jahiliah?

- A Semangat kesukuan melampau
- B Menuntut keadilan
- C Mengumpul kekayaan
- D Suka dengan kemenangan

8 Wahyu pertama yang diturunkan oleh Allah kepada Nabi Muhammad SAW ialah surah al-Alaq ayat 1 – 5.

Mengapakah umat Islam diperintah untuk melakukan pembacaan melalui surah tersebut?

- I Menyebarluaskan agama Islam
  - II Menambah ilmu pengetahuan
  - III Menggalakkan melakukan kajian
  - IV Membetulkan akhlak masyarakat Arab
- A I dan II
  - B I dan IV
  - C II dan III
  - D III dan IV

9 Piagam Madinah merupakan sebuah perlembagaan bertulis terawal dalam sejarah Islam.

Apakah keistimewaan perlembagaan tersebut?

- A Bersifat tegas
- B Menjamin keamanan
- C Mempertahan maruah Islam
- D Berpandukan wahyu Allah

10 Kota Makkah telah berjaya dibuka semula oleh Nabi Muhammad SAW pada tahun 630 M..

Mengapakah peristiwa tersebut penting kepada kerajaan Islam Madinah?

- A Menggubal perlembagaan baru
- B Memperkuat negara Islam
- C Menghargai perjuangan tokoh
- D Menghapuskan sistem kabilah

[Lihat halaman sebelah

11 Kaedah pemilihan khalifah dalam Islam yang pertama ialah melalui proses syura atau musyawarah.

Apakah kesan perlaksanaan proses tersebut?

- A Meneruskan kesinambungan pemerintahan
- B Meningkatkan taraf ekonomi negara
- C Memastikan pemerintahan yang adil
- D Menjamin pentadbir yang berkelayakan

12 Maklumat berikut merujuk kepada cara pertembungan tamadun Islam dengan tamadun lain.

- Perdagangan
- Kebudayaan
- Hubungan diplomatik

Apakah kesan daripada pertembungan tersebut?

- A Pembahagian kelas sosial
- B Pertambahan penduduk
- C Penyerapan budaya
- D Peningkatan bilangan tentera

13 Maklumat berikut menunjukkan teori kedatangan Islam ke Asia Tenggara.

- Islam dari Semenanjung Tanah Arab
- Islam dari India
- Islam dari China


Apakah persamaan cara penyebaran Islam berdasarkan ketiga-tiga teori tersebut?

- A Menerusi perluasan kuasa
- B Melalui perdagangan
- C Melalui pertukaran kebudayaan
- D Menerusi kesusasteraan

14 Apakah kriteria penganugerahan jawatan syahbandar kepada seorang pedagang Islam di sebuah pelabuhan di Asia Tenggara?

- A Mentaati pemerintah
- B Mahir bermula
- C Bersifat jujur
- D Bijak mentadbir

15 Maklumat berikut berkaitan pendidikan di Tanah Melayu.



Apakah X?

- A Sistem pondok
- B Sistem madrasah
- C Pembelajaran di masjid
- D Pengajaran di istana

16 Mengapa institusi baitulmal diperkenalkan oleh Kesultanan Melayu Melaka?

- A Menetapkan kadar cukai
- B Mengendalikan adat istiadat
- C Menentukan tugas pembesar
- D Menguruskan harta kerajaan

17 Apakah aspek yang ditekankan oleh gereja Katolik pada Zaman Pertengahan di Eropah?

- A Penguasaan kemahiran teknologi
- B Pengukuhan institusi keluarga
- C Penerokaan wilayah baru
- D Pembelajaran ilmu akhirat


[Lihat halaman sebelah]

**18** Perjanjian Tordesillas telah ditandatangani oleh Sepanyol dan Portugal pada tahun 1494.

Apakah kesan perjanjian tersebut?

- A** Mewujudkan kerjasama ketenteraan
- B** Mengukuhkan institusi gereja
- C** Perkongsian pelabuhan di timur
- D** Pembahagian kawasan penjelajahan

**19** Gambar 2 ialah Henry N. Ridley.




Gambar 2

Bagaimanakah beliau membantu memajukan perusahaan getah di Tanah Melayu?

- A** Memberi subsidi baja
- B** Membawa masuk imigran luar
- C** Mengagih benih secara percuma
- D** Memajak tanah peribumi

- 20** Graf berikut menunjukkan keluasan Tanah Simpanan Melayu di Negeri-negeri Melayu Bersekutu.



- Akta Tanah Simpanan Melayu telah diperkenalkan pada 25 November 1913.  
Apakah kesan akta tersebut terhadap orang Melayu?
- A** Meningkatkan taraf hidup  
**B** Mengelakkan pemilikan tanah  
**C** Mengusahakan pertanian komersial  
**D** Membayar cukai yang tinggi
- 21** Sistem Polo diperkenalkan oleh penajah Sepanyol selepas ekspedisi Miguel Lo'pez de Legazpi di Filipina pada 13 Februari 1565.

Sumber : [https://ms.wikipedia.org/wiki/Sejarah\\_Filipina](https://ms.wikipedia.org/wiki/Sejarah_Filipina)

- Apakah kesan perlaksanaan sistem tersebut terhadap penduduk peribumi?
- A** Memberi peluang mentadbir  
**B** Menjadi buruh paksa  
**C** Meningkatkan ekonomi  
**D** Menghapuskan pengaruh pembesar

[Lihat halaman sebelah]

- 22** Maklumat berikut berkaitan tindakan Perancis terhadap gerakan nasionalisme di Vietnam.

Penjajah	Tindakan
Perancis	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Menangkap pemimpin-pemimpin Viet Nam Quac Dang Dang (VNQDD)</li> <li>• Menghukum bunuh Nguyen Thai Hoc</li> </ul>

Apakah kesan tindakan tersebut?

- A** Melancarkan gerakan dakyah
- B** Melancarkan pemberontakan di Tongkin
- C** Gerakan nasionalisme menjadi lebih radikal
- D** Gerakan nasionalisme kembali bercorak sederhana

- 23** Maklumat berikut berkaitan dengan karya penulisan di Tanah Melayu.

<b>Tajuk Majalah</b>	Bulan Melayu
<b>Pengarang</b>	Zainon Sulaiman
<b>Tahun Terbitan</b>	1930

Apakah mesej yang terkandung dalam karya tersebut?

- A** Memperjuangkan hak wanita
- B** Memajukan bahasa dan sastera Melayu
- C** Meniupkan semangat cinta akan negara
- D** Membincangkan pentafsiran Islam

- 24** Maklumat berikut berkaitan dengan pertubuhan yang menentang pendudukan Jepun di Tanah Melayu antara tahun 1941 hingga tahun 1945.

- Force 136
  - Malayan People's Anti-Japanese Army (MPAJA)

Apakah tindakan pertubuhan tersebut?

- A** Menyebarluaskan propaganda
- B** Melaksanakan perang saraf
- C** Menubuhkan tentera semut
- D** Menjalankan perang gerila

25 Setelah campur tangan British di Semenanjung Tanah Melayu, British mula merujuk kerajaan Melayu sebagai negeri dan menetapkan sempadan setiap kerajaan.

Mengapa British bertindak demikian?

- A Mengukuhkan kedaulatan negeri
- B Meluputkan konsep kerajaan Melayu
- C Menghapuskan sistem pemusatan kuasa
- D Membentuk pentadbiran tempatan yang sistematik

26 Undang-Undang Tubuh Kerajaan Terengganu diluluskan oleh Sultan Zainal Abidin III pada tahun 1911.

Berdasarkan undang-undang tersebut, apakah syarat untuk menjadi pemerintah di Terengganu?

- I Bergelar Nik dan Wan
  - II Pewaris takhta
  - III Berbangsa Melayu
  - IV Taat setia kepada Sultan
- A I dan II
  - B I dan IV
  - C II dan III
  - D III dan IV

27 Maklumat berikut berkaitan dengan Perjanjian Persekutuan Tanah Melayu 1948.

Perjanjian Persekutuan Tanah Melayu menjelaskan tentang Rakyat Raja Melayu dan Rakyat British.

Siapakah yang dimaksudkan dengan Rakyat British?

- A Mereka yang berasal daripada England
- B Mereka yang berasal daripada China dan India
- C Mereka yang berasal daripada Pulau Pinang dan Melaka
- D Mereka yang berasal daripada Kepulauan Melayu

[Lihat halaman sebelah

**28** Maklumat berikut berkaitan dengan perkembangan di Sarawak.

Perlembagaan 1941

Antara berikut, yang manakah berkaitan dengan perlembagaan tersebut?

- I Perlembagaan bertulis pertama di Sarawak
- II Pentadbiran Sarawak akan diserahkan kepada British
- III Kuasa mentadbir dibahagikan kepada pusat dan wilayah
- IV Ahli Majlis Negeri akan dilantik oleh Raja Sarawak
- A I dan II
- B I dan IV
- C II dan III
- D III dan IV

**29** Maklumat berikut adalah keputusan Pilihan Raya 1955.

Parti yang bertanding	Jumlah kerusi yang ditandingi	Jumlah kerusi yang dimenangi
Parti Perikatan	52	51
Parti Negara	30	-
PAS	11	1

Apakah faktor utama yang membawa kejayaan kepada Parti Perikatan?

- A Perjuangan Perikatan memenuhi hasrat rakyat berbilang kaum
- B Perikatan mendapat sokongan daripada pihak British
- C Perikatan mempunyai pemimpin yang berwibawa
- D Perikatan mempunyai kewangan yang kukuh

**30** Raja-raja Melayu telah menerima kerakyatan jus soli yang dituntut oleh orang dagang dengan syarat.

Apakah syarat tersebut?

- A Mengiktiraf kedudukan istimewa orang Melayu
- B Menubuhkan kerajaan persekutuan
- C Membahagikan tiga jenis kerakyatan
- D Mengamalkan kebebasan beragama


- 31** Maklumat berikut merujuk gabungan parti politik di Sabah dan Sarawak pada abad ke-20.

Tahun	Parti
1961	Parti Perikatan Sabah
1962	Parti Perikatan Sarawak

Apakah ciri persamaan perjuangan parti-parti tersebut?

- I Menyokong pembentukan Malaysia
- II Mempercepatkan kemerdekaan negeri
- III Menangani pencerobohan Indonesia
- IV Menentang pengaruh komunis di Sabah dan Sarawak
- A I dan II
- B I dan IV
- C II dan III
- D III dan IV

- 32** Rajah berikut merujuk kepada tindakan Parti Rakyat Brunei (PRB).



Mengapa pemberontakan tersebut dilancarkan?


- A Menentang ancaman komunis
- B Menubuhkan Persekutuan Borneo
- C Menyekat pengaruh British di Brunei
- D Menghalang proses kemerdekaan Brunei

- 33** Apakah bidang kuasa Badan Perundangan dalam sistem pemerintahan Malaysia?

- A Mentafsir perlembagaan
- B Menggubal undang-undang
- C Menentukan kesahihan undang-undang
- D Membatalkan akta yang bercanggah dengan perlembagaan

[Lihat halaman sebelah]

**34** Rajah berikut menerangkan bidang kuasa Kerajaan Negeri.



Apakah X?

- A** Tanah
- B** Pelajaran
- C** Kesihatan
- D** Kerakyatan

**35** Gambar 3 merupakan Jata Negara yang menjadi lambang kerajaan Malaysia.



Gambar 3

Mengapakah lambang tersebut penting kepada kerajaan Malaysia?

- I Mengukuhkan perpaduan rakyat
  - II Menjadikan ekonomi negara maju
  - III Memastikan semangat kenegerian tinggi
  - IV Melahirkan rakyat yang sedia berkorban
- A** I dan II
  - B** I dan IV
  - C** II dan III
  - D** III dan IV

**36** Rancangan Malaysia Keempat merupakan rancangan Malaysia tahap kedua yang dilaksanakan pada tahun 1981-1985.

Apakah tumpuan yang diberikan dalam rancangan tersebut?

- A** Menggalakkan sektor pelancongan
- B** Meningkatkan pengeluaran makanan
- C** Membangunkan kawasan luar bandar
- D** Memajukan sektor perindustrian berat

**37** Maklumat berikut merupakan tiga strategi yang dilaksanakan dalam menjayakan pembangunan ekonomi negara.

- Mengelompokkan kampung-kampung
- Meningkatkan pendapatan golongan petani
- Pelaksanaan projek pembangunan oleh agensi kerajaan

Apakah dasar yang berkaitan dengan maklumat tersebut?

- A** Dasar Penswastaan
- B** Dasar Pertanian Negara
- C** Dasar Hala Tuju Cara Baru
- D** Dasar Peningkatan Daya Pengeluaran Negara

**38** Maklumat berikut mengenai institusi pengajian tinggi yang ditubuhkan pada tahun 1977.

Universiti Kebangsaan Malaysia

Mengapakah kerajaan mengambil langkah menukuhan institusi tersebut?

- A** Memartabatkan Bahasa Melayu
- B** Meningkatkan sistem pendidikan negara
- C** Melahirkan lebih ramai golongan terpelajar
- D** Menawarkan lebih banyak tempat belajar

[Lihat halaman sebelah

**39** MAPHILINDHO merupakan gabungan tiga buah negara iaitu Malaysia, Filipina dan Indonesia.

Apakah matlamat pertubuhan tersebut?

- A** Membendung pengaruh komunis
- B** Mengadakan perjanjian perdagangan
- C** Meningkatkan hubungan persahabatan
- D** Mengadakan kerjasama teknikal

**40** Globalisasi merujuk kepada perubahan yang menjadikan dunia tanpa sempadan.

Apakah usaha kerajaan Malaysia dalam menghadapi era globalisasi tersebut?

- A** Menggalakkan kemasukan pelabur luar
- B** Mencontohi budaya kerja negara maju
- C** Mengubah sistem pendidikan negara
- D** Menyediakan kemudahan ICT

**KERTAS SOALAN TAMAT**







